

**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
OKTOBER 2009**

**TEKS UCAPAN
ENCIK KAMARUDIN BIN TAHIR**

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**

TEMA:

**“HRMIS : TRANSFORMASI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM
MALAYSIA ABAD KE-21”**

Bismillahi Rahmani Rahim

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

dan Salam Sejahtera.

Saudara-saudari Pengacara Majlis yang dihormati,

Y. Bhg. Tan Sri Ismail Adam

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Y. Bhg. Datuk Ab. Khalil Ab. Hamid

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail Alias

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Y. Bhg. Pengarah-Pengarah Bahagian

Y. Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, warga JPA yang dihormati
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya ke atas kita semua, kita dapat berhimpun dalam Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan Oktober 2009. Saya, bagi pihak warga Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran

Y. Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, serta semua warga JPA sekalian. Tidak lupa juga saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan Atasan JPA kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada BPM untuk mengendalikan perhimpunan bulanan pada kali ini.

2. Dalam kesempatan ini, saya dan warga BPM ingin mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI kepada semua muslimin dan muslimat warga JPA, mohon maaf zahir dan batin, sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan keterlanjuran semasa berurusan.

3. Umat Islam baru sahaja menyempurnakan puasa Ramadhan, diikuti dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang merupakan kemenangan kepada kita semua. Ibadah puasa ini kemudiannya diteruskan dengan puasa enam (6) hari bulan Syawal. Dengan demikian lengkaplah ibadah puasa Ramadhan dan Syawal, yang mana kelebihanannya menyamai berpuasa sepanjang tahun. Kalau kita ibaratkan Ramadhan sebagai sebuah madrasah atau universiti, maka kuliahnya adalah tazkirah, notanya adalah ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis, manakala ijazahnya adalah merupakan ketaqwaan hasil daripada penghayatan Ramadhan itu sendiri.

4. Salah satu peristiwa utama dalam bulan Ramadhan, adalah Nuzul al-Quran yang menjadi satu hikmah kepada umat Islam seluruhnya. Al-Quran menghimpun, menjelas dan memberi panduan dari semua aspek kehidupan manusia meliputi soal tauhid, ibadat, jinayat, muamalat, sains, teknologi dan sebagainya.

Firman Allah dalam Surah Al-An'am, ayat 38, yang bermaksud:

“Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi, dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat-umat (juga) seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan). “

(Al-An'am:38)

5. Mengambil maklum kesempurnaan al-Quran, bahawa tidak ada perkara yang tidak terdapat di dalam al-Quran, maka marilah kita sama-sama menghayati kandungan al-Quran sebagai 'kitab induk' panduan ilmu pengetahuan untuk memajukan manusia seluruhnya.

6. Mudah-mudahan pentarbiahan diri sepanjang Ramadhan dapat mengubah dan meletakkan diri kita pada tahap yang lebih tinggi di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Oleh itu apa yang lebih penting adalah, apabila kita semua dapat menterjemahkan ijazah yang kita terima itu dalam menjalankan tugas seharian, dan terus beristiqomah dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Y. Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

TEMA

7. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Perhimpunan Jabatan Perdana Menteri pada 7 September 2009 lepas yang menyatakan perhimpunan tersebut adalah istimewa kerana diadakan selepas Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan, diadakan dalam bulan Ramadhan dan pada hari Nuzul al-Quran. Beliau telah menarik perhatian mengenai perubahan yang berlaku, iaitu kemerdekaan menandakan perubahan kepada negara, diikuti dengan bulan Ramadhan yang membawa perubahan kepada individu, dan seterusnya peristiwa Nuzul al-Quran yang membawa perubahan kepada seluruh umat manusia. Dalam masa yang sama, kita di JPA pula menyambut ulang tahun ke-75, yang menandakan perubahan kepada organisasi dan bisnes JPA.

8. Sehubungan dengan perubahan yang berlaku kepada negara, organisasi dan individu, serta agenda perubahan yang dibawa oleh pemimpin negara, maka BPM telah memilih "**HRMIS : Tranformasi Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam Malaysia Abad Ke-21**" sebagai tema perhimpunan bulanan JPA pada kali ini.

KEMERDEKAAN

9. Menyingkap tirai sejarah, semenjak meraih kemerdekaan, Malaysia telah mengharungi pelbagai siri ujian yang menggugat *survival* bangsa dan negara. Bertitik tolak dari kepahitan mengharungi keganasan Bintang Tiga, tuntutan untuk mengisi kemerdekaan, kepincangan sosio ekonomi, keretakan hubungan kaum pada 13 Mei 1969, kemelesetan ekonomi pada tahun 80-an, dan krisis kewangan global pada penghujung tahun 90-an, semuanya telah berjaya kita lalui.

10. Senario tersebut merupakan antara episod sukar negara, yang pada umumnya melibatkan rakyat pelbagai peringkat, bangsa dan agama. Kejayaan mengharungi setiap episod ini adalah hasil usaha transformasi yang telah dilakukan. Tidak dapat dinafikan bahawa Perkhidmatan Awam telah memainkan peranan yang proaktif dalam proses transformasi ini sehingga berjaya mengubah landskap ekonomi Malaysia dari sebuah negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian moden. Kini Malaysia muncul dalam kalangan 20 negara perdagangan terbesar di dunia.

Y. Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PERUBAHAN PERDANA MENTERI

11. Seperti yang semua sedia maklum, negara kita baru sahaja melalui satu lagi pengalaman perubahan pucuk pimpinan, iaitu perubahan Perdana Menteri daripada Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak. Perubahan ini turut merubah pendekatan pentadbiran negara bagi menempa sebuah zaman baru, dan bakal menjelmakan pula sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan kepentingan rakyat.

KONSEP SATU MALAYSIA

12. Justeru, Perdana Menteri telah memperkenalkan slogan “**Satu Malaysia, Rakyat Diutamakan, Pencapaian Didahulukan**” untuk dihayati dan direalisasikan terutamanya oleh anggota perkhidmatan awam. Konsep tersebut menuntut kepada sektor awam yang lebih cekap dan cepat bertindak, yang menjurus kepada proses membuat keputusan secara lebih bijak, dengan segera dan efektif.

13. Perdana Menteri menegaskan bahawa untuk maju, kita perlu sentiasa berada di hadapan keluk perubahan, manakala untuk kekal di hadapan, kita perlu menerajui perubahan. Sebaliknya, jika hanya bernostalgia dengan sejarah kejayaan lampau tanpa mencari kejayaan baru, maka perubahan ke arah yang lebih baik tidak akan berlaku. Oleh itu peranan JPA sebagai “**Peneraju Perubahan Perkhidmatan Awam**” adalah amat bertepatan sekali dengan penegasan YAB Perdana Menteri ini, yang mesti direalisasikan bukan sahaja dengan usaha yang bersungguh-sungguh, tetapi juga mesti menggunakan ‘enjin’ yang benar-benar berupaya menjana kekuatan untuk terus memacu perubahan.

14. Bagi menggerakkan enjin perubahan ini, maka selaku warga JPA, kita tidak boleh lari daripada membuktikan bahawa kita sentiasa relevan, dengan cara ‘mencipta semula peranan’ supaya sesuai dengan perubahan masa. Dengan cara ini sahaja, JPA dapat memainkan peranannya:

- sebagai penasihat utama, pemimpin dan pelaksana;
- sebagai fasilitator, peneraju serta pengawal selia; dan
- sebagai penyelaras strategik dan perunding,

secara tuntas, dengan cekap dan berkesan. Oleh kerana JPA adalah entiti teras penjana modal insan negara, maka keberkesanan *inner process* bukan sahaja terhenti di peringkat JPA tetapi akan memberi impak kepada keberkesanan perancangan dan pelaksanaan dasar peringkat sektor awam, dan akhirnya kepada peringkat sasaran sebenar iaitu rakyat dan negara. Ini adalah selari dengan matlamat Wawasan 2020

untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

KRA DAN KPI

15. Dalam usaha merealisasikan wawasan ini, kini kerajaan telah memulakan proses transformasi ke atas sistem pentadbiran kerajaan melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan *National Key Results Area* (NKRA) dan pengukuran *Key Performance Indicator* (KPI). NKRA akan menjadi petanda keberkesanan pengurusan dan pentadbiran kerajaan yang merangkumi enam (6) bidang, iaitu:

- i. mengurangkan kadar jenayah;
- ii. memerangi rasuah;
- iii. meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan;
- iv. meningkat taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah;
- v. memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman; dan
- vi. menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana.

KONSEP PENILAIAN, PENGENALPASTIAN DAN PEMBETULAN

16. JPA sebagai pengurus besar atau *custodian* kepada sektor awam perlu sentiasa mengamalkan konsep *Reflect, Detect* dan *Correct* dalam tugas sehari-hari seperti mana yang selalu diingatkan oleh Y. Bhg. Tan Sri KPPA bagi memastikan kita sentiasa peka dengan perubahan yang diperlukan.

PENILAIAN PRESTASI TRANSAKSI BISNES

17. Dalam konteks NKRA yang dinyatakan di atas, ianya mesti dipenuhi walau dalam apa jua pun keadaan, sekalipun dalam keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan. Situasi ini sememangnya akan memberi impak kepada pencapaian enam bidang keberhasilan utama nasional seperti mana yang telah ditetapkan kerajaan. Untuk memastikan pencapaiannya, mahu tidak mahu transformasi kepada pendekatan semasa perlu dilakukan sebagai tindak balas kepada keadaan yang berubah ini. Trend pengurusan organisasi masa kini menunjukkan bahawa bisnes telah mula memahami bahawa pencegahan masalah secara proaktif perlu mengambil alih strategi tradisi yang memberi fokus kepada pendekatan *fire fighting* atau di dalam peribahasa Melayu yang biasa kita sebut 'Sudah Terhantuk Baru Terngadah' .

18. Kini bisnes mula mengiktiraf kepentingan pendekatan baru yang menggunakan Prestasi Transaksi Bisnes (*Business Transaction Performance*) sebagai parameter kawalan. Isunya sekarang adalah, bagaimana pemantauan prestasi bisnes ini boleh membantu mengelak atau mencegah masalah, dan seterusnya meningkatkan prestasi bisnes.

19. Mengikut David Mavashev, CEO dan *Founder*, Nastel Technologies dalam kertas kerja bertajuk '*Business Transaction Performance: Proactive Prevention and Visibility*', menyebut bahawa cabaran utama organisasi hari ini adalah perubahan fokus daripada 'IT driven operational performance' kepada 'driving business transaction performance in a proactive manner'.

20. Ini adalah selaras dengan persepsi Y. Bhg. Tan Sri Mohd. Sidek Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang sedang berusaha bagi memastikan semua transaksi bisnes kerajaan dilakukan secara *online* melalui inisiatif seperti yang dicadangkan oleh PEMUDAH, Flagship Coordination Committee (FCC) dan JITIK. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Aplikasi Kerajaan Elektronik dan eKL. Apa yang ditekankan oleh KSN, pembangunan sistem bukan lagi merupakan isu yang perlu diperdebatkan kerana sistem-sistem kini telah sedia untuk dilaksanakan, sebaliknya penekanan adalah kepada bagaimana memperoleh dan menggandakan faedah hasil dari penggunaan sistem yang telah dibangunkan itu.

21. Oleh yang demikian, KSN kini memberi tumpuan kepada bagaimana kita dapat mengintegrasikan sistem bisnes kerajaan agar bukan sahaja dapat memudahkan pelanggan berurusan dengan kerajaan tetapi yang lebih penting daripada itu adalah pembentukan perkongsian maklumat yang akan menjadi asas kepada proses membuat keputusan yang lebih bijak, cepat dan berkesan. *Outcome* dari semua transformasi ini akhirnya akan meningkatkan daya saing negara.

22. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahawa sektor awam perlu memahami realiti semasa, sebelum melakukan proses anjakan dan pembaharuan. Sektor awam juga perlu mempunyai kemahuan, dan berani membuat perubahan. Kenapa kita harus secara operasionalnya terus-menerus mengamalkan tatacara kerja yang usang, menyulitkan lagi melambatkan, jikalau ia sepatutnya dapat dilaksanakan atau disiapkan dalam masa yang cepat.

SENARIO SEMASA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM

23. Seperti yang saya nyatakan pada awal tadi bahawa untuk merealisasikan peranan JPA sebagai 'Peneraju Perubahan Perkhidmatan Awam' bukan setakat usaha yang bersungguh-sungguh diperlukan, tetapi yang lebih penting adalah komitmen kita sebagai satu pasukan untuk menggunakan 'enjin' yang benar-benar berupaya menjana kekuatan bagi membolehkan kita terus memacu perubahan.

24. Dari perspektif pengurusan sumber manusia, pendekatan tradisi sama ada melalui penggunaan sistem berasingan atau pun secara manual ternyata tidak membolehkan integrasi secara strategik pengurusan sumber manusia dilakukan, walaupun di peringkat agensi spesifik, apatah lagi di peringkat perkhidmatan awam secara keseluruhan. Dalam kata lain, 'enjin' yang digunakan dalam proses sumber manusia ini tidak berupaya untuk menjana kekuatan yang diperlukan untuk memacu perubahan. Antara kekurangan yang dikenal pasti yang tidak memungkinkan integrasi strategik dilakukan adalah:

- Pertama : data tidak mudah diperolehi. Jika pun ada data, ianya tidak terkini dan sukar untuk mendapatkan data yang lengkap dan menyeluruh;
- Kedua : tidak ada sistem yang mengintegrasikan fungsi dan proses sumber manusia sama ada di peringkat agensi mahu pun di peringkat nasional atau perkhidmatan awam secara menyeluruh menyebabkan wujudnya *silos* yang menghalang pengaliran maklumat secara *cross-functional*;
- Ketiga : walaupun ada usaha untuk mengautomasikan beberapa proses yang sedia ada dengan membangunkan sistem baru, usaha ini lebih berbentuk cebisan (*piecemeal*) bagi memenuhi keperluan tempatan (*localise*) yang akan mewujudkan kelompok-kelompok maklumat; dan
- Keempat : tiada pangkalan data untuk menyokong *business intelligent* seperti Sistem Sokongan Keputusan (*Decision Support System*) atau Sistem Maklumat Eksekutif (*Executive Information System*).

HRMIS : TRANSFORMASI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

25. Menyedari kelemahan-kelemahan yang saya nyatakan tadi, kerajaan telah mengambil daya usaha membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia, ringkasnya HRMIS. Dengan pelaksanaan HRMIS, proses membuat keputusan dan perancangan strategik kini boleh dilakukan berdasarkan kepada senario kes yang sebenar kerana HRMIS merekodkan semua rekod transaksi bisnes sumber manusia secara *real time*.

26. Tegasnya, HRMIS telah mewujudkan persekitaran kerja baru, satu suasana yang bercirikan kepantasan, ketelusan, keupayaan mengesan dan keperluan kemahiran baru yang akhirnya akan menjurus kepada pengurangan kuasa budi bicara serta meningkatkan kepercayaan dan keyakinan kepada perkhidmatan awam. HRMIS mampu untuk mengalihkan cara kita menguruskan sumber manusia selama ini yang banyak menumpukan kepada operasi kepada penumpuan ke arah pengurusan strategik. Inilah yang dimaksudkan sebagai transformasi yang dibawa oleh HRMIS kepada pengurusan sumber manusia sektor awam abad ini.

Y. Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

HRMIS DAN INFORMATION ON DEMAND

27. Dalam rangka kerja (framework) Plan Strategik ICT JPA 2009 – 2013 yang akan dilancarkan pada hari ini, penekanan diberikan ke arah mengintegrasikan maklumat bisnes JPA. Melalui kemudahan *Business Intelligent* (BI), maklumat bisnes secara bersepadu akan dapat disediakan dengan lebih lengkap apabila diperlukan dan ini akan dapat memenuhi tuntutan *Information On Demand* (IOD), yang merupakan keperluan baru ke arah mengoptimumkan bisnes organisasi.

28. Maksud IOD adalah maklumat dapat dibekalkan dengan cepat, pada bila-bila masa, di mana jua, dan boleh dilihat dari pelbagai perspektif. Contoh yang paling mudah adalah maklumat bilangan penjawat awam. Maklumat ini boleh dikeluarkan dengan mudah mengikut pelbagai perspektif seperti kaum, kumpulan umur, gred, skim perkhidmatan dan tempat bertugas.

29. HRMIS merekodkan kesemua transaksi bisnes sumber manusia yang membolehkan semua maklumat pengurusan sumber manusia dikeluarkan menggunakan *business intelligent tools* atau Sistem Maklumat Eksekutif / EIS. Walau bagaimanapun untuk *stakeholder* dan penggubal dasar memperoleh sepenuhnya mendapat manfaat dari maklumat pengurusan sumber manusia ini, semua agensi hendaklah melaksanakan keseluruhan proses sumber manusia dalam HRMIS.

30. Dengan kata lain, dari segi perancangan strategik ICT, JPA akan mula bergerak dari "Application Agenda" kepada "Information Agenda". Proses untuk menuju ke arah agenda baru ini memerlukan kita untuk merungkaikan halangan seperti maklumat yang silo, berbagai dan berkelompok, di samping kesediaan kita sendiri untuk berubah. Ini kerana ada satu kajian menunjukkan bahawa:

- 52% pengguna tidak mempunyai keyakinan kepada maklumat mereka sendiri;
- 59% pengurus tidak mempunyai maklumat yang sepatutnya mereka gunakan; dan
- 42% pengurus menggunakan maklumat yang salah sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

HRMIS DAN 1MALAYSIA

31. Dalam konteks 1Malaysia, HRMIS menyediakan satu proses kerja seragam bagi seluruh agensi sektor awam. Jadi, apabila semua agensi menggunakan HRMIS, maka semua penjawat awam turut mendapat layanan yang sama, kerana merujuk kepada polisi dan prosedur seragam yang telah dibangunkan di dalam sistem.

32. Sebagai contoh dalam penggunaan eGL. HRMIS menyediakan kemudahan kepada semua 135 buah hospital untuk menyemak kelayakan perubatan semua anggota perkhidmatan awam termasuk keluarga dan ibu bapa mereka. Oleh itu, 1Malaysia, atau semua lebih satu juta anggota perkhidmatan di agensi sektor awam seluruh negara kini menggunakan satu sistem yang seragam (1HRMIS).

Y. Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

HRMIS DAN NKRA

33. NKRA adalah *outcome* kepada kerja atau tugas yang dilaksanakan oleh penjawat awam. Bagi memastikan NKRA ini dicapai, segala tugas ini mestilah dilaksanakan oleh mereka yang benar-benar layak melakukannya. HRMIS yang merupakan sistem pengurusan sumber manusia yang berteraskan kompetensi mempunyai perkaitan langsung dengan NKRA dalam menyediakan maklumat secukupnya untuk perancangan dan keputusan berkaitan pengurusan sumber manusia bagi tujuan pelaksanaan tugas.

34. Fungsi-fungsi yang dibangunkan dalam HRMIS seperti pengambilan anggota perkhidmatan awam, penempatan, latihan dan pembangunan kompetensi, dapat memastikan anggota yang benar-benar layak atau 'the best fit for the job' ditempatkan dengan tepat di jawatan yang memerlukan kemahiran dan kepakaran mereka.

RUMUSAN

35. Sebagai rumusan, suka saya nyatakan sekali lagi di sini bahawa HRMIS adalah hasil daripada kajian yang sangat mendalam mengenai pengurusan sumber manusia sektor awam yang mengambil masa selama 17 bulan untuk disiapkan. HRMIS adalah satu aplikasi yang komprehensif, untuk menguruskan aset sumber manusia sektor awam secara dalam talian, bermula dari perancangan dan pengambilan penjawat awam oleh Suruhanjaya sehingga mereka bersara. Ia menyimpan maklumat sumber

manusia dan maklumat semua agensi sektor awam. Oleh itu Kerajaan bukan sahaja dapat mengetahui perjawatan, pengisian dan kekosongan bagi semua 724 agensi tetapi juga inventori aset sumber manusia sektor awam mengikut bidang kompetensi dan tugas.

36. Pendekatan baru pengurusan sumber manusia HRMIS yang memperkenalkan konsep kompetensi telah dilaksanakan dalam Sistem Saraan Malaysia yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan mulai 1 November 2002. Pelaksanaan HRMIS telah membawa suatu pembaharuan budaya kerja, terutama dalam penggunaan teknologi ICT dari menjalankan tugas secara manual kepada proses secara dalam talian.

37. HRMIS sememangnya direka bentuk dan dibangunkan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan sumber manusia sektor awam. Oleh itu HRMIS adalah merupakan enjin proses pengurusan sumber manusia sektor awam, yang akan mampu menambah baik sistem penyampaian kerajaan selaras dengan keperluan rakyat dan arus pembangunan negara.

38. Kita mengambil maklum bahawa kepimpinan negara mempunyai agenda perubahan untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020. Dalam menjayakan transformasi ini, perkhidmatan awam turut dituntut menyesuaikan peranan dengan menyediakan sokongan, bantuan dan landasan bagi menjayakan perubahan yang ingin dilakukan. Semuanya ini hanya dapat dilakukan melalui satu transformasi menyeluruh dalam pendekatan dan kaedah kerja yang membolehkan perkongsian dan pembekalan maklumat dilakukan dengan cekap.

PENUTUP

39. Pada hakikatnya, pembangunan HRMIS merupakan pemangkin kepada usaha memperbaiki dan mengadakan pembaharuan dalam pengurusan sumber manusia sektor awam. Dalam konteks ini, suka juga saya membacakan satu petikan daripada blog mengenai hakikat perubahan, iaitu;

CHANGE IS THE ONLY EVIDENCE OF LIFE

*When you change your **attitude**
You change your beliefs
When you change your **beliefs**
You change your expectations
When you change your **expectations**
You change your attitude
When you change your attitude
You change your **behavior**
When you change your behavior
You change your **performance***

*When you change your performance
You change your **destiny**
When you change your destiny
You change your **life***

(Sumber : Rusdy Gunawan, <http://rusdygunawan.blogspot.com>)

40. Secara ringkas ia bermaksud, kita tidak boleh mengubah sesuatu yang berada di luar kawalan kita. Jadi, kita hanya boleh mengubah sesuatu yang berada dalam kawalan kita. Apabila kita terus memberi fokus untuk mengembangkan hal-hal yang boleh kita kawal, maka liputan dalam pengaruh kita akan meluas.

41. Akhirnya, saya suka memetik satu peribahasa Arab untuk renungan bersama, iaitu, 'Jika Anda Mahu Membuat Sesuatu, Anda Akan Cari Jalan. Jika Anda Tidak Mahu Membuat Sesuatu, Anda Akan Cari Alasan'. Peribahasa Melayu yang tidak asing bagi kita pula ada menyebut bahawa, 'Hendak Seribu Daya, Tak Hendak Seribu Dalih'. Justeru, bersama-samalah kita merenung dan menilai kembali fokus dan hala tuju teras bisnis organisasi, agar sentiasa selaras dengan wawasan kerajaan.

42. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya bagi pihak warga BPM ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua yang hadir, terutama pihak Pengurusan JPA yang memberi peluang kepada kami menganjurkan perhimpunan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan, Pasukan Koir, semua warga BPM, dan semua pihak yang terlibat dalam pengendalian perhimpunan ini. Saya juga memohon maaf di atas sebarang kelemahan dan kesilapan yang berlaku semasa pengendalian perhimpunan. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Happy Deepavali" kepada semua warga JPA beragama Hindu yang akan menyambutnya dalam masa terdekat.

HRMIS – “Dari Kita Untuk Kita”

HRMIS – “Semua Untuk Satu, Satu Untuk Semua”

**“HRMIS : Tranformasi Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam
Malaysia Abad Ke-21”**

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Oktober 2009